



SIARAN MEDIA

INISIATIF KeTSA DI LANGKAWI SOKONG AGENDA PERUBAHAN IKLIM NEGARA

Rancangan Malaysia Ke-12 yang bertunjangkan 3 tema utama iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan menjadi pemangkin kepada keutamaan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Ianya sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di bawah Agenda 2030.

Bagi menyokong aspirasi Kerajaan untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal-awalnya pada tahun 2050, YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli dalam rangka lawatan kerja ke Langkawi telah menekankan komitmen KeTSA terhadap agenda perubahan iklim negara melalui pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia dan Inisiatif Solar di Langkawi.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan campuran Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam campuran pembekalan elektrik negara, KeTSA telah mengadakan usaha sama strategik dengan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB), melalui pelaksanaan inisiatif solar di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung. Di bawah inisiatif ini, TNB melalui anak syarikatnya GSPARX Sdn. Bhd. akan melaksanakan pemasangan sistem solar PV di bangunan-bangunan milik LADA di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung. Sistem solar PV berkapasiti 363kWp dijangka akan dipasang di Kompleks Dermaga Tanjung Lembung dan memberikan potensi penjimatan bil antara RM87,000 hingga RM244,000 setahun bergantung kepada kaedah pembiayaan yang dipersetujui.

Majlis Penyerahan Surat Niat Bagi Inisiatif Solar di Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi telah diadakan pada hari ini sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menggalakkan pemasangan solar PV di bumbung bangunan-bangunan Kerajaan.

Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

Program Penghijauan Malaysia : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 terus diperkasa melalui program penanaman pokok di Kampung Bukit Malut bersama-sama penduduk tempatan. Pokok yang ditanam ialah Pokok Merbau (*Intsia palembanica*) yang

juga Pokok Kebangsaan. KeTSA melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kedah sebelum ini telah menanam 1,000 pokok yang terdiri dari pelbagai spesies pokok hutan seperti Pokok Meranti, Pokok Merawan, Pokok Sentul dan Pokok Petai.

Sehingga 16 Oktober 2021, di negeri Kedah sebanyak 93,737 pokok pelbagai spesies telah ditanam dan direkodkan di bawah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13,672 pokok telah direkodkan di Langkawi. KeTSA berharap lebih ramai penduduk Langkawi menyokong dan menjayakan kempen ini khususnya generasi muda demi menghijaukan bumi Langkawi termasuk menerusi penanaman pokok bakau dan spesies pesisiran pantai yang lain.

Persidangan Pengarah-Pengarah Negeri Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ke-41 di Langkawi.

Pelaksanaan pendekatan-pendekatan yang digariskan dalam Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) akan terus dilaksanakan sebagai Agenda Nasional dalam pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan sumber-sumber hutan. Instrumen perundangan akan terus diperkukuhkan melalui pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] bagi memelihara khazanah sumber hutan. Oleh itu, peranan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri amat penting sebagai penggerak transformasi dan berfungsi sebagai penghubung atau jambatan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan komitmen dan agenda negara tercapai.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri juga perlu membuat pelaburan strategik melalui *Payment for Ecosystem Services* (PES), ekopelancongan dan *nature tourism*, perhutanan sosial dan REDD Plus untuk membantu Kerajaan Negeri menjana pendapatan baharu.

Segala langkah ini adalah bukti kepentingan komitmen Malaysia dalam usaha merealisasikan DPM dan DKBK tercapai demi kelestarian hutan negara.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

17 OKTOBER 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

